



DASAR ANTISOGOKAN & ANTIRASUAH

1. PENGENALAN

Dasar Antisogokan dan Antirasuah (“Dasar”) WCT Holdings Berhad (“WCT”) menetapkan pernyataan dasar dan parameter lain yang relevan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah WCT (“Lembaga Pengarah”) dalam usaha menentang amalan sogokan dan rasuah oleh pengarah (“Pengarah”) dan pekerja (“Pekerja”) WCT dan syarikat subsidiarinya (“Kumpulan”), serta individu yang menyediakan perkhidmatan kepada atau bagi pihak Kumpulan (“Penyedia Perkhidmatan”). Dasar ini perlu dirujuk bersama dengan Kod Etika dan Tatalaku Kumpulan.

2. PERNYATAAN DASAR

Semua Pengarah, Pekerja dan Penyedia Perkhidmatan adalah dilarang sekeras-kerasnya daripada terlibat dengan sebarang bentuk amalan sogokan atau rasuah, termasuklah sekiranya individu tersebut dengan sendirinya, atau bersama mana-mana individu lain:

- a. mendapatkan atau menerima atau bersetuju untuk menerima rasuah bagi pihak dirinya sendiri atau orang lain; atau
- b. memberi, bersetuju memberi, berjanji atau menawarkan untuk memberi rasuah kepada mana-mana individu sama ada untuk individu tersebut atau orang lain,

sebarang suapan sebagai pendorong atau ganjaran untuk, atau dengan niat untuk mendapatkan atau sebaliknya atas sebab

- A. mana-mana individu yang membuat atau menahan diri daripada membuat sesuatu berhubung dengan sebarang perkara atau transaksi, yang sebenar atau cadangan atau berkemungkinan akan berlaku; atau
- B. mana-mana pegawai badan awam yang membuat atau menahan diri daripada membuat sesuatu berhubung dengan sebarang perkara atau transaksi, yang sebenar atau dicadangkan atau berkemungkinan akan berlaku, yang melibatkan badan awam; atau
- C. sebarang perniagaan atau manfaat kepada Kumpulan.

Mana-mana individu yang didapati melanggar Dasar ini dan/atau terlibat dengan sebarang perbuatan sogokan dan/atau rasuah, sekiranya didapati bersalah, akan dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya, termasuklah penamatan perkhidmatan atau pemecatan.

Sila rujuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) 2009 bagi takrif ‘suapan’.

3. OBJEKTIF

Objektif Dasar ini adalah untuk menetapkan dasar-dasar Lembaga Pengarah yang jelas dalam mendukung standard amalan etika dan integriti yang paling tinggi oleh semua Pengarah dan Pekerja semasa melaksanakan urusan dan perniagaan Kumpulan, serta oleh semua Penyedia Perkhidmatan dalam menyediakan perkhidmatan untuk dan bagi pihak Kumpulan.



4. KEBOLEHGUNAAN

Dasar ini melibatkan semua Pengarah dan Pekerja. Prinsip dan larangan am di bawah Dasar ini juga melibatkan semua Penyedia Perkhidmatan (termasuklah perunding, penasihat, pembekal dan ejen) yang menyediakan perkhidmatan untuk dan bagi pihak Kumpulan ini.

5. PANDUAN MENGENAI BENTUK SOGOKAN DAN RASUAH YANG BIASA

5.1. Komisen dan Insentif

Pemberian komisen dan/atau insentif dalam urusan perniagaan yang biasa secara amnya adalah tidak dilarang, asalkan ianya adalah tulen dan dipacu secara komersial, tanpa niat untuk menyembunyikan sebarang perbuatan sogokan atau rasuah.

5.2. Bayaran tidak rasmi

Sebarang bayaran secara tidak rasmi seperti fi pemudahan yang dibayar untuk mendapatkan atau mempercepatkan pelaksanaan tindakan rutin oleh badan awam (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta SPRM 2009) adalah dilarang sama sekali.

5.3. Hadiah dan Keraian

Penerimaan atau pemberian hadiah dan keraian yang dianggap wajar oleh Pengarah dan Pekerja secara umumnya adalah tidak dilarang, asalkan tidak dibuat dengan niat rasuah, wajar, bona fide dan setara dengan jawatan mereka dan tidak terlalu mewah atau mahal.

5.4. Sumbangan Politik dan Derma

Sebarang sumbangan kepada ahli politik atau calon bagi parti politik adalah dilarang, kecuali sekiranya ia adalah untuk atau berkaitan dengan tujuan kebajikan dengan niat yang ikhlas. Tertakluk kepada sebarang undang-undang semasa yang mengawal hal-hal sumbangan politik, Kumpulan boleh membuat sumbangan kepada parti-parti politik di Malaysia, dengan syarat kelulusan daripada Lembaga Pengarah telah diperolehi terlebih dahulu.

5.5. Derma dan Sokongan Kebajikan

Derma dan sumbangan kebajikan yang tulen dan sah adalah dibolehkan, sama ada dalam bentuk tunai atau sebaliknya.

6. PENYEDIA PERKHIDMATAN

Semua Penyedia Perkhidmatan mestilah dimaklumkan tentang Dasar ini. Bilamana berdaya maju secara komersial, Penyedia Perkhidmatan perlu disyaratkan dan perlu mengakui bahawa mereka mengetahui tentang Dasar ini dan berjanji akan mematuhiinya.



7. PENYIMPANAN REKOD

Rekod yang teratur dan lengkap berkenaan kegiatan perniagaan Kumpulan (termasuklah bayaran untuk hadiah, keraian, derma dan sumbangan kebajikan) perlu disimpan dan disenggarakan dalam tempoh yang munasabah, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan semasa berhubung dengan penyimpanan rekod.

8. SISTEM PENGURUSAN PEMATUHAN ANTISOGOKAN

Satu sistem pengurusan pematuhan antisogokan yang berkesan perlu diwujudkan dalam Kumpulan, sejajar dengan objektif Dasar ini.

9. RANGKA KERJA PEMBERI MAKLUMAT

Rangka kerja yang mantap bagi pemberian maklumat dan pelaporan sebarang bentuk kelakuan tidak wajar, kesalahan, sogokan, rasuah, penipuan dan/atau penyalahgunaan oleh mana-mana Pengarah atau Pekerja serta mana-mana Penyedia Perkhidmatan akan ditetapkan untuk membolehkan tindakan tersebut dilaporkan melalui saluran yang sepatutnya, pada masa yang sama melindungi identiti individu yang membuat laporan, dengan tujuan untuk menghalang, mengelakkan dan mendedahkan perbuatan tersebut.

10. KOMUNIKASI DAN LATIHAN

Kumpulan akan sentiasa mengadakan program kesedaran, latihan, dan kursus ulang kaji yang secukupnya bagi semua personel yang berkenaan untuk memastikan mereka sentiasa mempunyai kefahaman yang jelas dan kesedaran mengenai risiko pematuhan dan akan terus menjalankan tugas mereka dengan standard integriti dan etika yang tinggi.

11. KAJIAN SEMULA DASAR

Dasar ini perlu dikaji semula sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap tiga (3) tahun.